

**GERAKAN ANTI JEPUN DALAM KALANGAN MASYARAKAT
BUMIPUTERA ISLAM DI SABAH, 1941-1945: SUATU
PERSPEKTIF SEJARAH DARI BAWAH**

*The Anti-Japanese Movement among the Indigenous Muslim
Community in Sabah, 1941–1945: A History from Below Perspective*

Norazizah Binti Adnan¹

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah

¹*zizahadnan93@gmail.com*

Dihantar: 13 Mac 2026 / Penambahbaikan: 29 Jun 2026

Diterima: 1 Oktober 2026 / Terbit: 31 Disember 2026

Abstrak

Artikel ini bertujuan merekonstruksi sejarah gerakan anti Jepun dalam kalangan bumiputera Islam di Sabah dengan menggunakan kaedah sejarah lisan sebagai alternatif kepada metodologi sedia ada. Dalam konteks pendudukan Jepun di Sabah menyaksikan gerakan anti Jepun (i) masih kurang ditulis, (ii) belum bersifat demokratik kerana hanya memfokuskan kepada pengkisahan mengenai penglibatan tentera komanwel dan masyarakat Cina dalam gerakan anti-Jepun dan (iii) memori kolektif daripada masyarakat bumiputera Islam belum diketengahkan secara baik dalam penulisan sedia ada. Justeru, pengaplikasian metod sejarah lisan bukan sahaja dapat mendokumentasikan fakta baharu mengenai gerakan anti Jepun dalam kalangan masyarakat bumiputera Islam, tetapi juga berpotensi mendemokrasikan sejarah pendudukan Jepun di Sabah yang sekian lama memfokuskan kepada penulisan “sejarah dari atas” dan kurang meneliti pengalaman bersifat kebangsaan di luar daripada penglibatan masyarakat Cina dan bumiputera bukan Islam lainnya di Sabah. Dengan kelebihan tersebut, maka penulisan ini dihasilkan berdasarkan temubual bersama informan yang hidup semasa pendudukan Jepun serta melalui memori kolektif dalam bentuk rakaman temubual bersama pelaku sejarah yang disimpan oleh Arkib Negeri Sabah dan belum pernah digunakan sebelum ini. Hasil daripada analisis yang dijalankan mendapati penglibatan masyarakat bumiputera Islam adalah sangat signifikan sama ada melalui “Gerila Kinabalu” yang dipimpin oleh Albert Kwok ataupun melalui “Gerila Suluk” yang dipimpin oleh Tun Datu Mustapha Datu Harun. Penglibatan ini

diperlihatkan melalui gerakan berorganisasi yang dilaksanakan bersama-sama tentera Amerika dan Komanwel, kaedah perekrutan untuk mengikuti tentera gerila serta serang yang dilakukan terhadap Jepun di Sabah. Dengan memaparkan maklumat baharu tersebut secara tidak langsung berjaya merekonstruksi sejarah gerakan anti Jepun dalam kalangan masyarakat bumiputera Islam yang sekian lama terpinggir dalam wacana sejarah lokal dan nasional.

Kata Kunci : Pendudukan Jepun, Sejarah Lisan, Penindasan, Penentangan, Gerila Kinabalu

Abstract

This article aims to reconstruct the history of the anti-Japanese movement among the Muslim Bumiputera community in Sabah by employing oral history as an alternative methodological approach to existing historical research. Within the context of the Japanese occupation of Sabah, the anti-Japanese movement remains (i) inadequately documented, (ii) insufficiently democratic in its historiographical representation, as existing narratives primarily focus on the involvement of Commonwealth forces and the Chinese community, and (iii) lacking in the inclusion of the collective memories of the Muslim Bumiputera community in current historical writings. Therefore, the application of oral history not only enables the documentation of new historical evidence concerning the anti-Japanese movement among the Muslim Bumiputera community but also has the potential to democratise the historiography of the Japanese occupation in Sabah, which has long been dominated by "history from above" while paying limited attention to grassroots national experiences beyond the participation of the Chinese community and other non-Muslim Bumiputera groups in Sabah. Accordingly, this study is based on interviews with informants who lived through the Japanese occupation, as well as collective memories preserved in recorded interviews with historical actors archived at the Sabah State Archives, many of which have never been utilised in previous research. The findings reveal that the involvement of the Muslim Bumiputera community was highly significant, both through the Kinabalu Guerrillas led by Albert Kwok and the Suluk Guerrillas led by Tun Datu Mustapha Datu Harun. Their participation was demonstrated through organised resistance carried out in collaboration with American and Commonwealth forces, recruitment strategies for

guerrilla units, and military operations against the Japanese in Sabah. By presenting these new historical findings, this study successfully reconstructs the history of the anti-Japanese movement among the Muslim Bumiputera community, whose contributions have long been marginalised in both local and national historical discourse.

Keywords : *Japanese Occupation, Oral History, Oppression, Resistance, Kinabalu Guerrilla Movement.*

Pengenalan

Pendudukan Jepun di Sabah bermula pada awal tahun 1942 hingga 1945 yang meninggalkan banyak kesan yang mendalam terhadap masyarakat. Kekalahan Jepun dalam Perang Dunia Pertama telah menanamkan rasa benci dan dendam terhadap kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Britain. Apabila Perang Dunia Kedua tercetus pada Disember 1941, Jepun telah bangkit memusnahkan seluruh kekuatan tentera Amerika Syarikat. Dalam masa beberapa bulan sahaja, tentera Jepun telah berjaya menakluki Tanah Melayu, Borneo dan Filipina. Kejayaan yang perolehi oleh tentera Jepun ketika Perang Dunia Kedua adalah hasil daripada rancangan awal dan aktiviti-aktiviti risikan yang mereka lakukan sebelum Perang Dunia Kedua tercetus. Pendudukan Jepun khususnya di Sabah telah meninggalkan pelbagai peristiwa hitam sehingga menjadikannya topik yang tidak pernah habis untuk dibincangkan (Hafijah Sidru & Azmi Arifin, 2017). Kajian ini akan mengupas mengenai gerakan anti Jepun dalam kalangan masyarakat Bumiputera Islam di Sabah melalui perspektif sejarah dari bawah menggunakan sumber lisan.

Kajian lepas

Tinjauan kajian lepas menunjukkan bahawa wacana mengenai pendudukan Jepun di Sabah sering didominasi oleh perbincangan mengenai taktik penguasaan oleh Jepun, strategi, struktur pentadbiran dan impak sosioekonomi ke atas masyarakat tempatan. Strategi awal pihak Jepun telah digariskan oleh Subramanian A/L Raman (2009) yang menjelaskan tindak balas British terhadap aktiviti perisikan Jepun yang berselindung di sebalik perkembangan aktiviti ekonomi tempatan sebelum tercetusnya Perang Dunia Kedua. Setelah penguasaan

bermula, pentadbiran Jepun menstrukturkan semula wilayah kepada dua bahagian utama, iaitu *Seikai Shiu* di Pantai Barat dan *Tokai Shiu* di Pantai Timur (Arkib Negeri Sabah, 2010). Bagi melancarkan pemerintahan dan memastikan kepatuhan rakyat, pihak Jepun telah memanipulasi ketua-ketua kampung dan pembesar tempatan dengan menawarkan bayaran gaji, di samping mewujudkan sistem mata-mata upahan untuk menghukum mana-mana gerakan penentangan (Arkib Negeri Sabah, 2010). Kesan langsung daripada pentadbiran ketenteraan dijelaskan secara mendalam oleh Stephen R. Evans (1999) yang mendokumentasikan penderitaan rakyat akibat kekurangan bekalan makanan, pengerasan buruh paksa, dan penderaan fizikal, yang secara total menyangkal keabsahan propaganda "Asia untuk Asia" yang dilaungkan pada awalnya.

Sungguhpun konteks pentadbiran ini telah dikaji secara meluas, perbincangan mengenai reaksi dan penentangan masyarakat tempatan masih dibelenggu oleh keterbatasan sumber metodologi yang ketara. Ketergantungan melampau kepada pendekatan historiografi tradisional yang merujuk semata-mata kepada dokumen rasmi seperti laporan kolonial British dan rekod ketenteraan Jepun, telah menyumbang kepada kelompangan naratif (Abu Bakar Bin Haji Abdul Latip, 1982). Sifat peperangan itu sendiri menyebabkan banyak dokumen rasmi musnah, hilang, atau tidak direkodkan secara teratur. Akibatnya, sumber institusional ini gagal menangkap realiti sebenar pengalaman harian masyarakat, penderitaan, strategi kelangsungan hidup, dan bentuk penentangan yang digerakkan secara tersurat mahupun tersirat. Bagi merungkai permasalahan ini, sarjana seperti Eko Prayitno Joko (2002) dan Nadzan Haron (1979) menegaskan keperluan untuk beralih kepada penggunaan memori kolektif dan sumber lisan. Tinjauan menggunakan perspektif "sejarah dari bawah" ini adalah penting untuk merekonstruksi sejarah kelangsungan dan penentangan akar umbi yang tenggelam daripada rekod rasmi penjajah.

Kelemahan metodologi berasaskan dokumen rasmi ini secara langsung telah mencorak penulisan sejarah gerakan anti-Jepun di Sabah menjadi suatu naratif yang agak berat sebelah. Karya-karya terawal, seperti tulisan Maxwell Hall dan Ken, memberikan fokus yang sangat dominan terhadap *Kinabalu Guerilla Defence Force* (KGDF) di bawah pimpinan Albert Kwok, lantas menimbulkan stereotaip bahawa gerakan penentangan di Sabah adalah sinonim dengan pergerakan masyarakat Cina. Walaupun terdapat anjakan baharu melalui kajian

Md Saffie Abdul Rahim (2019) dan Mohamad Shaukhi Mohd Radzi et al. (2015) yang mengangkat sumbangan tokoh tempatan seperti Panglima Ali Imam Abbas Sani, Pahlawan Saruddin, Pahlawan Jamalul, dan Pahlawan Arshad, naratif mereka masih dikaburkan. Malah, dalam artikel *Unsung Heroes in Sabah's Historiography*, Md Saffie Abdul Rahim et al. (2024) mengesahkan bahawa penglibatan etnik peribumi seperti Brunei, Bajau, dan Suluk kerap kali ditinggalkan sekadar sebagai entiti pembantu kepada pemberontakan KGDF, lantas menyebabkan sumbangan sebenar mereka sering dilupakan terutamanya dalam upacara peringatan di Tugu Peringatan Petagas.

Oleh itu, kekurangan kajian dan penulisan mengenai gerakan anti Jepun atau penentangan masyarakat Bumiputera Islam hampir tidak pernah diwacanakan secara holistik. Sebagai contoh, karya biografi Abdullah Hussain (1976) ada merekodkan secara ringkas peranan Tun Datu Mustapha yang mengatur strategi bawah tanah secara sembunyi sebelum melarikan diri ke Filipina, seterusnya meminta pertolongan Gerila Filipina untuk menubuhkan pasukannya sendiri yang dikenali sebagai Gerila Suluk. Selain itu, pimpinan gerila di bawah Panglima Ali dalam peristiwa *Double Tenth* juga merupakan satu bentuk rintangan yang signifikan. Namun begitu, rekod-rekod berharga ini kekal terpinggir sebagai catatan serpihan dan belum diangkat ke dalam satu wacana sejarah yang komprehensif. Justeru, melalui penyusunan naratif dan sokongan lisan, kajian ini akan menganalisis secara terperinci penglibatan masyarakat Bumiputera Islam dalam Gerila Kinabalu dan Gerila Suluk, bagi melengkapkan historiografi sejarah pendudukan Jepun di Sabah.

Metodologi

Kajian mengenai sejarah gerakan anti Jepun dalam kalangan bumiputera Islam di Sabah masih kurang dibincangkan akibat kekangan sumber dokumen dan yang terdapat pada masa kini lebih memfokuskan kepada perbincangan "sejarah dari atas". Justeru itu, penulisan ini akan memfokuskan "sejarah dari bawah" berpanduan sejarah lisan daripada Arkib Negeri Sabah sebagai sebahagian daripada metode kualitatif yang dapat memelihara dan mendokumentasikan pengalaman masyarakat yang kian dilupakan. Keperluan pengaplikasian metode sejarah lisan diperlihatkan kerana kekurangan maklumat berkaitan Perang Dunia Kedua dan pendudukan

Jepun di Sabah khususnya.

Proses pencarian ilmu merupakan suatu inti pati yang akan menentukan dapatan dan argumen sesuatu kajian. Secara umumnya, proses pencarian ilmu dalam kajian ini melibatkan dua bentuk iaitu secara (i)abstrak dan (ii)empirikal. metodologi abstrak yang melibatkan "cara melihat" atau "cara memerhatikan" dunia sosial. Justeru itu, perbahasannya sangat ditentukan oleh paradigma (sudut pandang) ilmu sejarah yang menyentuh tentang persoalan "kebenaran sejarah", sama ada daripada perspektif aliran positivis mahupun relativis. Sudut pandang ini perlu ditelusuri dan difahami bukan sahaja disebabkan orientasi pemaknaan "kebenaran sejarah" antara keduanya adalah berbeza, tetapi juga penting bagi membuktikan kemutlakan dalam sejarah adalah suatu yang tidak pernah diwujudkan. Makanya, metodologi abstrak dalam kajian ini dapat menegaskan bahawa meskipun sejarah sebagai realiti masa lalu tidak boleh berubah, namun sejarah sebagai pemahaman mengenai masa lalu berpotensi mengalami perubahan akibat pengaruh paradigma dan penggunaan sumber. Metodologi empirikal dalam kajian ini pula berkaitan "cara mencari" dan "cara mengumpul" mengenai dunia sosial yang melibatkan teknik mengumpul, mengutip, menghimpun, menyusun dan menambah data dalam keadaan yang lebih konkrit. Usaha ini akan ditelusuri dengan menjadikan sejarah pendudukan Jepun sebagai wadah perbahasan bagi mengangkat kemampuan sejarah lisan dalam menghadirkan sumber sejarah yang berwibawa dan setanding dengan sumber dokumen. Dalam hal ini, usaha mencari dan mengumpul fakta sosial berkaitan sejarah pendudukan Jepun dilakukan dengan menggunakan beberapa teknik antaranya sejarah lisan dan analisis teks yang dikumpulkan melalui kajian kepustakaan. Meskipun begitu, teknik pengumpulan data kajian ini memberatkan kepada penggunaan metode sejarah lisan dengan menemubual informan terpilih dalam kalangan masyarakat Sabah yang digolongkan sebagai saksi proto atau dikategorikan juga sebagai sumber primer dalam disiplin ilmu sejarah.

Metod sejarah lisan digunakan sebagai maklumat terbaharu mengenai wujudnya penglibatan masyarakat bawahan atau lebih dikenali masyarakat bumiputera dalam menentang Jepun. Perkara ini dapat dilihat jelas dalam konteks tajuk kajian ini iaitu gerakan anti Jepun dalam kalangan masyarakat Islam di Sabah sehingga kini masih terhad maklumatnya. Hal ini kerana pencarian maklumat mengenai tajuk ini lebih berfokuskan sumber dokumen dan mengangkat sumber-sumber dari perspektif orang atasan berbanding orang bawahan.

Justeru itu, perspektif sejarah dari bawah melalui sumber lisan perlu diketengahkan kerana masih terdapat ramai saksi sejarah yang terlibat dalam gerakan menentang Jepun yang boleh berkongsi pengalaman mereka hingga dapat mewujudkan suatu pendokumentasian baharu dan dibantu oleh sumber dokumen yang sedia ada.

Secara umumnya, pengaplikasian metode sejarah lisan dalam kajian ini melibatkan proses yang kompleks dan selari dengan penarikan kesimpulan yang diambil oleh sejarawan semasa menggunakan sumber dokumen sebagai asas penghasilan penulisannya. Hakikat ini diperlihatkan melalui pematuhan tiga langkah utama yang melibatkan (i) proses persediaan, (ii) teknik mengumpul dan (iii) memproses maklumat bagi memastikan "memori kolektif" yang dikumpulkan mempunyai kesahihan yang tinggi, sekali gus membolehkan interpertasi yang dibangunkan adalah lebih kritis dan objektif sifatnya. Pelaksanaan tahap persediaan awal adalah melibatkan usaha mengumpulkan penulisan kajian lepas, langkah sebegini juga membolehkan pengetahuan mengenai "kekurangan" dan "kekuatan" maklumat penulisan sedia ada dapat dikenalpasti sebelum direkonstruksi menggunakan metode sejarah lisan. Hal ini kerana, "memori kolektif" yang dikumpulkan melalui temu bual dapat "mengesahkan" atau "meluruskan" fakta sedia ada serta "mendokumentasikan" fakta baharu yang tidak pernah dicatatkan dalam penulisan sebelumnya.

Proses temubual merupakan tahapan kedua dalam projek sejarah lisan yang dapat menentukan kejayaan pengkaji untuk merekonstruksi penentangan Gerila Kinabalu dan pendudukan Jepun di Sabah yang bersifat kekinian. Dalam konteks ini, kejayaan untuk "mendokumentasikan" fakta baharu serta "mengesahkan" atau "meluruskan" fakta sedia ada sangat ditentukan oleh persediaan lengkap pengkaji yang meliputi penyediaan soalan berstruktur dan sistematik supaya membantu kelancaran temubual. Di samping mempersiapkan diri dengan kelengkapan fizikal, kelancaran temubual turut diperoleh melalui keupayaan pengkaji untuk menjalin hubungan baik bersama informan. Perkara ini dilakukan melalui pemaparan rasa hormat, kesefahaman dan kecenderungan pengkaji untuk menghargai pengalaman dan kepentingan sejarah yang dimiliki oleh informan.

Apabila proses temubual selesai dijalankan, maka tahapan yang seterusnya adalah melibatkan tindakan memproses audio rakaman. Usaha ini dimulakan dengan melabelkan terlebih dahulu setiap audio rakaman agar rekod tersebut dapat disimpan secara teratur dan sistematik. Dalam hal ini, usaha melengkapkan label audio rakaman adalah melibatkan aspek seperti nama informan, nama pengkaji, tempat, tarikh, masa, nombor rujukan fail, nombor semakan dan nombor setiap audio rakaman. Selepas pekerjaan ini selesai dilakukan, pengkaji kemudiannya memproses hasil rakaman daripada bentuk audio kepada dokumen yang melibatkan usaha penyalinan semula, pengeditan dan membuat salinan kekal dalam bentuk transkripsi. Secara umumnya, pekerjaan menghasilkan transkripsi ini hanya mendokumentasikan beberapa bahagian rakaman temubual yang dianggap penting sahaja. Oleh sebab itu, peringkat menghasilkan transkripsi ini memerlukan penelitian yang terperinci daripada pengkaji agar maklumat yang didokumentasikan adalah "memori sejarah" yang penting, tepat dan tidak menjejaskan matlamat kajian.

Kelebihan metode sejarah lisan ini semakin terserlah apabila pengkaji mampu menyedari unsur bias dan kecenderungan informan untuk berselindung daripada memberikan sesuatu keterangan semasa sesi temubual berjalan. Kemampuan ini bukanlah suatu yang diperbesarkan, sebaliknya adalah bersifat realiti memandangkan pengkaji sudah melakukan pembacaan emperikal data secara intensif sebelum turun ke lapangan, sekali gus membolehkan maklumat yang boleh dipersoalkan kebenarannya dapat dikenalpasti. Atas faktor ini, sejarawan yang ingin menggunakan metode sejarah lisan perlu melakukan bacaan yang meluas dan terperinci berkenaan topik yang dikajinya. Sekiranya perkara ini gagal dilakukan, sudah pasti sejarawan tersebut sukar untuk mengenalpasti unsur bias dan pemesongan fakta sejarah yang berpotensi dikemukakan oleh informan. Dengan mengetahui latar sejarah di sebalik topik terbabit, sudah pasti pengkaji dapat mengenalpasti perkara yang "diperbesarkan" atau "dihilangkan" oleh informan bagi mengangkat secara berlebihan atau mengurangkan secara terancang penglibatan beliau dalam mengerakkan rancangan penentangan Gerila Kinabalu terhadap pendudukan Jepun di Sabah di Sabah. Kesemua aspek ini sentiasa dititikberatkan sepanjang sesi temubual berjalan sehingga pengkaji merasakan informan sudah memberikan segala maklumat yang diperlukannya.

Perbincangan

Perbincangan kajian ini menunjukkan bagaimana sejarah pendudukan Jepun sebelum ini masih terbatas sifatnya, banyak sejarah hanya membincangkan berkaitan penglibatan tentera komanwel dan masyarakat Cina. Walhal penglibatan penduduk tempatan yang terdiri dalam kalangan orang Islam kurang diketengahkan. Gerila Kinabalu ditubuhkan oleh Albert Kwok setelah mendapat ilham daripada gerila Sulu di Filipina, (Ooi Keat Gin, 2011, Dalius Lobincang, 1989). Pada peringkat awal, Albert Kwok terlibat dalam penentangan menentang Jepun di Filipina bersama dengan Alejandro Suarez iaitu komandan tertinggi gerakan bawah tanah di Filipina bersama Imam Marajukim iaitu seorang pemimpin gerila di kepulauan Sulu (Stephen R. Evan, 2007). Alejandro berharap agar satu pasukan gerila dapat ditubuhkan di Sabah dibawah pimpinan Albert Kwok dan bantuan senjata dari gerila Filipina akan dibekalkan. Albert Kwok menubuhkan Gerila Kinabalu. Pasukan ini dianggotai oleh tokoh-tokoh penting seperti Duallis, Hiew Syn Yong Penolong Pegawai Daerah di Kota Belud, Charles Peter bekas anggota Polis, Jules Stephens, Subedar Dewa Singh dan Panglima Ali iaitu Ketua Kampung di Pulau Suluk. Albert Kwok telah menghantar sepucuk surat kepada Tun Datu Mustapha untuk bersama-sama membentuk satu organisasi gerila bawah tanah menentang Jepun, pada awalnya Tun Mustapha bersetuju dengan cadangan Albert Kwok kerana yakin gerakan itu akan mendapat bantuan dan sokongan daripada tentera Amerika dan sekutunya dari Filipina jika pemberontakan berlaku. Namun, sebaliknya apabila tentera Amerika belum sampai di Filipina. Ditambah lagi apabila tindakan Tun Mustapha ditentang oleh bapa saudara beliau. Albert Kwok tetap berkeras dan melancarkan serangan terhadap Jepun pada malam 10 Oktober 1943 atau dikenali sebagai *double tenth*.

Pada awal penentangan, mereka berjaya mengalahkan tentera Jepun, tetapi serangan balas dari pihak Jepun beberapa hari ke hadapan telah mengakibatkan pasukan Gerila Kinabalu kalah teruk. Albert Kwok dan pengikutnya telah dijatuhkan hukuman bunuh pada 21 Januari 1944. Kekalahan pasukan pimpinan Albert Kwok tidak mematahkan semangat para pejuang yang lain, malah semangat ingin membebaskan tanah air dari pentadbiran tentera Jepun semakin menyala, hal ini dibuktikan apabila wujudnya pasukan gerila seperti Gerila Suluk pimpinan Tun Datu Mustapha.

Akibat dari kegagalan pemberontakan Albert Kwok, tentera bersekutu telah membuat perancangan awal bagi mengelakkan penglibatan orang-orang yang tidak berpengalaman dalam peperangan. Tun Datu Mustapha telah dipilih untuk mengikuti latihan gerila selama tiga bulan di Australia pada penghujung 1943 (Abdullah Hussain, 1976, Utusan Borneo, 1995). Apabila Tun Datu Mustapha kembali ke tanah air dan berpangkalan di Malubong, beliau telah menerima perutusan daripada pemerintah pasukan gerila Pulau Jambongan iaitu Major Chester untuk mengajak Tun Datu Mustapha bergabung dengan pasukan gerila mereka. Pelawaan berkenaan ditolak secara baik kerana masih Tun mempunyai tanggungjawab melindungi kaum keluarga di daerahnya. Pada 29 April 1945, Tun Datu Mustapha telah bertemu semula dengan Tuan Combe iaitu bekas Pegawai Daerah Kudat yang akan mendarat di Lokapas bersama pengiring-pengiringnya iaitu Major David MacLaine, Kapten Moy, Sarjan Jeffrey Wat dan seorang sarjan yang bertugas sebagai signalman bernama Wilson serta seorang perajurit Melayu bernama Maaruf berasal dari Melaka. Ketibaan mereka turut membawa bekalan senjata yang telah dijanjikan oleh General Mac Arthur. Tun Datu Mustapha berkerjasama dengan Kolonel Combe dan merekrut ahli gerila yang baru dengan menghantar seorang utusan dan menyamar sebagai orang kampung. Tidak lama kemudian, tersebarlah berita mengenai Tun Datu Mustapha memimpin sebuah pasukan gerila dan memerlukan ramai ahli untuk direkrut.

Pada peringkat awal, pasukan ini dianggotai seramai 200 orang. Kaedah perekrutan pasukan ini adalah secara sukarela, menurut Haji Mohd Aji Datu Mustapha (1985),

Ialah yang mengetuai kami, ialah Tun Mustapha. Apabila Tun Mustapha sudah masuk dulu, dia terbang membuang surat kami. Di musim itu, kami ada lari di Langsana. Dia buang surat itu, dia bilang, larilah kamu ke Landan Baru, iaitu Topokan."

Habis itu, kami pun sudah sampai di tempat itu. Jumpa dengan Tuan Combe. Apabila Tuan Combe tanya sama kami, kami jawab, kami lari. Dari Kudat, membubut itu surat yang dibuang oleh kapal terbang itu. Sampai sana Tuan Combe tanya sama kami, kamu mahu masuk jadi soldier atau tidak? Kami bilang, kami mahu masuk".

Abdullah Hussain, 1976) menyatakan bahawa Maclaine telah mengajar ahli-ahli baru cara menggunakan senjata api seperti yang dikatakan oleh responden (Tuan Haji Kadis Ayang & Haji Abdul Jalil, 1986) yang merupakan bekas anggota Gerila Kinabalu menyatakan setelah mereka menjadi anggota gerila, mereka telah dibekalkan senjata api dan berlatih selama tiga bulan di dalam hutan yang terletak di Topokan sehingga mahir menggunakan senjata api. Menurut beliau, bekalan senjata diberi melalui kapal terbang,

...Jadi kapal terbang sudah buang perkakas itu sama makanan kami. Habis itu kami pun diberi senjata. Memililah senjata apa, Bren Gun, Owen Gun, Ustin Gun dan lain-lain lagi peluru”, dan Tuan Haji Kadis Ayang (1986)

...Terimalah senjata masing-masing Owen, Bren, Ustin, Owen gun, Carbine. Mana yang suka. Jadi masing-masinglah pegang. Belajarlah, nimbak”. Mereka telah dilatih oleh tiga orang tentera British ialah yang mengajar kami ialah Tuan Alejandro, nombor satu. Nombor dua Maclaine. Nombor tiga, Tuan Combe mengajar kami menembak.

Seramai sembilan puluh orang muda dari pelbagai kampung dan daerah telah terpilih untuk melakukan serangan terhadap tentera Jepun termasuklah adik beradik dan sepupu Haji Mohd Aji Datu Mustapha yang disebutkan seperti Haji Bulat, Haji Talib, Haji Tripin dan Haji Abas. Menurut Tuan Haji Kadis Ayang, 1986, mereka telah dibahagikan mengikut tempat masing-masing. Beliau telah ditugaskan dibahagian pinggan-pinggan dalam daerah Pitas pada hari ini bersama Kapten yang mereka gelar “Tuan Mc Laine” dan “Tuan Combe” sementara pasukan lain bertumpu di daerah Kudat. Haji Mohd Aji Mustapha ada menyatakan bahawa ketika itu terdapat lebih kurang lima ribu tentera Jepun telah bertapak di Kudat. Penentangan mereka diketuai oleh Tuan Datu Mustapha bersama beberapa orang British. Menurut (Md Saffie Abdul Rahim, 2018). Penglibatan bumiputera Islam dalam Gerila Kinabalu juga dapat dilihat di bahagian pantai barat selatan seperti Pak Musah iaitu seorang pejuang Melayu Brunei yang sangat berpengaruh dan mempunyai ramai pengikut. Beliau juga seorang yang disegani oleh masyarakat Cina. Namun perjuangan

beliau hanya bertahan selama sebulan sebelum di tahan oleh tentera Jepun dan meninggal dunia semasa dalam tahanan.

Dari segi taktik serang pasukan gerila, mereka mempunyai mata-mata ataupun perisik untuk mengetahui kedudukan tentera Jepun. Menurut (Tuan Haji Abdul Rahman Haji Lamud, 1985) ayah beliau adalah seorang pemandu Jepun dan beliau tahu selok belok dan keberadaan tentera Jepun. Beliau telah bertindak sebagai mata-mata atas arahan Tun Mustapha. Tuan Haji Abdul Rahman menyatakan,

...jadi yang mana, yang saya ketahui pada masa itu, bapak saya adalah seorang pemandu, seorang pemandu driver Jepun di daerah Kudat. Jadi yang berhormat Tun Mustapha faham bahawa beliau tahu siluk-biluk di mana keadaan Jepun, dan juga bapak saya pun diberi sepucuk repol dan diberi 50 raun peluru dan ditunjuk ajar dengan sekejap, hanya sejam dua jam dan terus disuruh balik ke Kudat meneliti di mana kedudukan Jepun yang sebenarnya.

Apabila kedudukan tentera Jepun telah dikenalpasti atas bantuan sahabat-sahabat lama berbangsa Cina,

...dan jumpalah cina-cina yang kawan-kawan lama itu. Dia tanyalah di mana kedudukan-kedudukan Jepun yang sebenarnya sekarang lagi. Walaupun sudah lari atau tidak. Jadi apabila bapak saya sudah dapat tahu kedudukan-kedudukan Jepun, jadi bapa saya pun balik ke perahu dan seterusnya belayar balik ke Tapukan untuk melaporkan yang kedudukan sebenarnya Jepun di daerah Kudat.

Lalu merekapun pulang semula ke daerah Kudat untuk persiapan peperangan seterusnya. Kenyataan ini juga ada dikatakan oleh menantu beliau iaitu Haji Mohd Aji Datu Mustapha,

...yang spy kami yang betul, nombor satu Li Touken. Budak Kudat, budak Lansana Cina. Nombor dua, mentua saya, Haji Lamud”.

*Gerakan Anti Jepun dalam Kalangan Masyarakat Bumiputera
Islam di Sabah, 1941-1945: Suatu Perspektif Sejarah Dari Bawah*

Sebelum mereka melancarkan serangan hendap terhadap tentera Jepun, mereka akan mengenalpasti kedudukan Jepun dahulu bagi memastikan pertempuran mereka berjaya. Mereka akan bergerak seawal lima subuh. Mereka telah mengebom tempat-tempat persembunyian Jepun termasuklah lubang bawah tanah tempat persembunyian dan perlindungan tentera Jepun seperti yang dikatakan oleh Haji Mohd Aji Datu Mustapha iaitu,

...jadi kami sudah habis bom satu rumah di rumah Cina itu. Jepun pun banyak mati adalah kurang lebih, yang mati di luar sembilan orang. Yang dalam lubang banyak, kami tidak boleh kira. Itu musim Jepun pun berteriakanlah, larilah. Kami tembak rumah itu.

Selain dari itu, pasukan gerila juga saling berbalas tembakan dengan tentera Jepun apabila kehadiran mereka diketahui. Penentangan dalam kalangan etnik Suluk yang merupakan masyarakat Islam juga memainkan peranan penting dalam usaha menentang Jepun. Ini ada sebutkan dalam (Md Saffie Abdul Rahim 2018, Mohamad Shaukhi Mohd Radzi, El. Al, 2015) mengenai penglibatan masyarakat peribumi dikawasan Pulau sekitar Sabah seperti Panglima Ali Imam Haji Abbas Sani iaitu ketua masyarakat nelayan di Pulau Suluk yang terkenal dengan keberaniannya dan bertindak membakar gudang getah di Pelabuhan Jeselton pada Oktober 1943. Pahlawan Suluk yang berkerjasama dengan Gerila Kinabalu seperti Pahlawan Saruddin dari Pulau Dinawan, Pahlawan Jamalul di Pulau Mantanani dan Pahlawan Arshad di Kampung Oudar juga berjuang dalam menentang Jepun kerana Jepun telah mengganggu aktiviti mereka. Namun kesemua perjuangan pahlawan ini menemui kegagalan dalam penentangan mereka. Panglima Ali telah gugur dalam perjuangan menentang Jepun pada 21 Januari 1944. Penentangan terhadap pemerintahan tentera Jepun hanya berakhir setelah Jepun menyerah kalah pada tahun 1945.

Dalam perbincangan penulisan ini, penglibatan masyarakat Islam telah dikupas melalui sumber-sumber lisan daripada Arkib Negeri Sabah yang belum didokumentasikan menjadi sebuah penulisan akademik. Walaupun terdapat pelbagai kajian berkaitan Perang Dunia Kedua di Asia Tenggara, namun aspek penglibatan masyarakat tempatan di Sabah dalam gerakan penentangan terhadap Jepun masih bersifat terhad, tidak menyeluruh dan kurang dihuraikan secara

mendalam. Keadaan ini menyebabkan wujudnya kelompangan dalam pemahaman sejarah khususnya berkaitan peranan masyarakat tempatan sebagai aktor sejarah yang aktif dalam menghadapi penjajahan. Secara umumnya, gerakan anti-Jepun di Sabah tidak boleh dilihat secara simplistik sebagai satu bentuk penentangan bersenjata semata-mata, sebaliknya merupakan satu tindak balas kompleks yang lahir daripada pelbagai tekanan yang dialami oleh masyarakat tempatan.

Walaupun terdapat bukti bahawa gerakan penentangan ini wujud dalam pelbagai bentuk, namun masih belum direkodkan secara sistematik dalam historiografi rasmi. Kebanyakan naratif sejarah sedia ada lebih menumpukan kepada aspek ketenteraan Jepun, strategi penjajahan serta peranan kuasa besar dalam Perang Dunia Kedua, berbanding pengalaman masyarakat tempatan di peringkat akar umbi.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pasukan Gerila Kinabalu dan pasukan gerila pimpinan Tun Datu Mustapha yang digelar Gerila Suluk adalah gerakan bawah tanah yang menentang pemerintahan Jepun dan berpusat Pantai Barat Sabah. Kebangkitan pemberontakan Gerila Kinabalu dan Gerila Suluk ini justeru mengugat kedudukan Jepun ditambah lagi dengan penyertaan masyarakat bumiputera dan mendapat sokongan daripada gerila di Filipina sehingga memaksa Jepun untuk menumpaskan gerakan tersebut. Walaupun gerakan yang dipimpin oleh Albert Kwok ini menemui kegagalan, namun tidak melumpuhkan semangat pemimpin gerila baharu seperti Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun, Lim Keng Fatt, Cheah Loong Ghee, Doktor Lau Lai dan Duallis. Pasukan Gerila ini dianggap istimewa kerana dianggotai oleh pelbagai etnik. Hasil daripada analisis yang dijalankan, menunjukkan masih terdapat banyak sumber-sumber lisan yang tidak terdapat dalam sumber dokumen mengenai penglibatan masyarakat bumiputera. Oleh itu, hasil kajian ini berpotensi untuk mendemokrasikan sejarah pendudukan Jepun di Sabah agar didokumentasikan menjadi suatu sumber baharu.

Senarai Rujukan

Dokumen Arkib

ANS/PS/PBPS/T/3/I

Arkib Negeri Sabah. (2010). *Pengisahan Sabah: Perang Dunia Kedua*.

Utusan Borneo. (21 Oktober 1995). *Tun Datu Mustapha Wira Bangsa Dalam Perang Gerila*.

Buku dan Jurnal

Abdullah Hussain. (1976). *Tun Datu Mustapha Bapa Kemerdekaan Sabah: Sebuah Biografi*. Kuala Lumpur: Penerbitan M.F.I.

Abu Bakar bin Haji Abdul Latip. (1982). *Pendudukan Jepun di Sabah 1942–1945* (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sastera). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Arkib Negeri Sabah. (2005). *Pengisahan Sabah: Perang Dunia Kedua = World War Two: The Sabah's Story*. Kota Kinabalu: Arkib Negeri Sabah.

Eko Prayitno Joko. (2002). *Sejarah Lisan Dalam Historiografi Politik Sabah: Penelitian Terhadap Peristiwa Rusuhan Sabah, 1985–1986*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Hafijah Sidru, & Azmi Arifin. (2017). Kedudukan dan keberadaan masyarakat Orang Asli Bajau Laut dalam sejarah pendudukan Jepun di Sabah 1942–45. Dalam *Prosiding Persidangan Nasional Sejarah Dan Sejarawan Malaysia 2017: Memperkasa Sejarah Nasional Dalam Melestarikan Pembangunan Negara*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Maxwell Hall. (2009). *Kinabalu Guerrillas*. Kota Kinabalu: Opus Publications.

Md Saffie Abdul Rahim. (2018). *Deskripsi Mengenai Sabah Daripada Pelbagai Perspektif*. Kota Kinabalu: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.

Md Saffie Abdul Rahim. (2019). *100 Tahun Jepun Dalam Pembangunan Ekonomi di Sabah 1880–1980*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Md Saffie Abdul Rahim, Ramli Dollah, & Eko Prayitno Joko. (2024). Unsung heroes in Sabah's historiography: The indigenous community in the anti-Japanese movement in North Borneo, 1942–1945. *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities*, 31(2), 119–143.

DOI: <https://doi.org/10.21315/kajh2024.31.2.1>

Milus Hj Abd Wahab, & Muddin Beting. (2015). *Figura Dan Fakta*

- Perjuangan Islam di Sabah*. Kota Kinabalu: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Nadzan Haron. (1979). Suatu pandangan awal terhadap sejarah lisan dalam konteks pengkajian sejarah Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 9, 44–58.
- Ooi, K. G. (2011). *The Japanese Occupation of Borneo 1941–1945*. New York: Routledge.
- Stephen R. Evans. (1999). *Sabah Under the Rising Sun Government*. Kota Kinabalu: Opus Publications.

Tesis

- Dalius Lucius Lobinjang. (1989). Sabah semasa pendudukan Jepun 1942–1945. *Tesis Sarjana Muda*. Universiti Kebangsaan Malaysia. (Tidak Diterbitkan).
- Subramaniam A/L Raman. (2009). Sejarah reaksi dan tindak balas British terhadap kegiatan perisikan Jepun di Borneo Utara sebelum Perang Dunia Kedua (1884–1941). *Tesis Sarjana*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Malaysia Sabah. (Tidak Diterbitkan).

Temubual

- Tuan Haji Kadis Ayang & Haji Abdul Jalil (1986, Oktober 16). Temubual Mengenai Penglibatan Beliau Dalam Perang Gerila Di Kudat. Arkib Negeri Sabah.
- Tuan Haji Abdul Rahman Haji Lamud (1985, Oktober 6), Temubual Mengenai Penglibatan Dan Pengalaman Beliau Dalam Perang Gerila Menentang Jepun Di Kudat. Arkib Negeri Sabah.
- Haji Mohd Aji Mustapha ((1985, Oktober 6), Temubual Mengenai Penglibatan Dan Pengalaman Beliau Dalam Perang Gerila Menentang Jepun di Sabah. Arkib Negeri Sabah.